

**SOAL  
JAWAB  
RAMADAN**

## AMALAN-AMALAN DI BULAN RAMADAN

### **1. Apakah cara terbaik untuk saya menghayati bulan Ramadan dan menambah amalan di dalamnya?**

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

“Bulan Ramadan diturunkan padanya Al Quran, sebagai petunjuk itu dan pembeza (di antara yang hak dan yang batil).”

Sesuai dengan bulan Al-Quran ini, maka penghayatannya melibatkan tiga cara:

1. Berusaha membanyakkan amal baik dengan tujuan mngukuhkan keimanan dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.
2. Mempertingkatkan ilmu, melalui pembacaan dan pengkajian Al-Quran, serta mempelajari sejarah Baginda Rasulullah S.A.W.
3. Menghayati nilai murni yang ditunjukkan dalam Al-Qur'an, terutama dari sudut akhlak. Tingkah laku kita sebagai orang yang beriman harus mencerminkan akhlak mulia yang diajar dalam kitab tersebut.

Penghayatan bulan Ramadan dan Al-Quran tidak terbatas dalam lingkungan solat dan puasa secara ritual sahaja. Malah, lebih dari itu, kita mesti menghayatinya dalam setiap aspek kehidupan seharian dan melahirkannya dalam tingkah laku, pertuturan dan gerak hati kita.

### **2. Saya ingin menunaikan solat terawih. Bagaimana caranya?**

Solat terawih adalah sangat digalakkan pada malam-malam Ramadan. Ia adalah ibadat khusus di dalam bulan Ramadan, dan tidak dilakukan pada bulan-bulan lain.

Masanya adalah setelah seseorang itu mengerjakan solat fardu Isyak. Afadl (utama) dikerjakan berjemaah di masjid. Namun, boleh dikerjakan bersendirian juga.

Solat terawih boleh dilaksanakan sebanyak 8 rakaat, 20 rakaat atau 36 rakaat, setiap 2 rakaat dengan satu salam. Cara menunaikannya adalah sama seperti solat sunat biasa (seperti sunat qabliyah (sebelum) atau ba'diyah (selepas) bagi solat fardhu lima waktu).

Menurut hadis Imam Al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah R.A maksudnya: “Adalah Rasulullah S.A.W sangat suka cinta menganjurkannya supaya beramal di malam-malam bulan Ramadan, hanya Baginda itu tidak menganjurkannya

dengan keras. Baginda S.A.W bersabda: “Sesiapa yang menunaikan ibadat solat pada malam-malam bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan semata-mata kerana Allah S.W.T, nescaya diampunkan oleh Allah dosa-dosanya yang lalu.”

### **3. Bagaimana saya boleh mengerjakan solat witir?**

Witir bermakna angka yang ganjil. Solat witir boleh dikerjakan pada tiap-tiap malam dan yang lebih afdal adalah pada bulan Ramadan, samada bersendirian atau berjemaah. Solat ini dikerjakan sekurang-kurangnya 1 rakaat dan boleh dikerjakan 3 rakaat, 5 rakaat, 7 rakaat, 9 rakaat dan sebanyak 11 rakaat.

Imam Abu Daud dan An-Nasa’I telah meriwayatkan sebuah hadis dari Abu Ayyub yang maksudnya: “Rasulullah S.A.W pernah bersabda “Solat witir itu adalah benar. Siapa yang suka mengerjakannya lima rakaat, kerjakanlah. Siapa yang suka mengerjakannya tiga rakaat kerjakanlah, dan siapa yang suka mengerjakannya satu rakaat sahaja pun, kerjakanlah.”

Niat witir dua rakaat di dalam jemaah adalah seperti: “Sahaja aku solat witir dua rakaat menjadi maknum kerana Allah ta’ala.” Niat witir satu rakaat pula di dalam jemaah adalah seperti: “Sahaja aku solat witir satu rakaat menjadi maknum kerana Allah ta’ala.”

### **4. Saya ingin mengerjakan solat witir berjemaah di masjid. Namun, saya berniat ingin bangun waktu malam. Bolehkah saya mengerjakan solat witir sekali lagi, sedangkan tidak ada dua witir pada satu malam, seperti hadith Rasulullah S.A.W?**

Solat witir boleh dilaksanakan dari 1 sehingga 11 rakaat. Ia dilaksanakan selepas solat terawih di kebanyakan masjid untuk menutup tirai solat di waktu malam di dalam bulan Ramadan. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu telah menunaikan solat witir sebanyak 3 rakaat selepas terawih dan kemudian bangun di waktu malam menunaikan solat tahajjud, ia boleh menunaikan solat witir sebagai penambahan bagi 3 rakaat yang dilaksanakan selepas terawih.

Caranya adalah dengan hanya bersolat 2, 4, 6, atau 8 rakaat dengan niat “Sahaja aku dirikan 2 rakaat dari solat sunat witir kerana Allah ta’ala.” Dengan demikian, ia tidak dikira mendirikan 2 witir pada satu malam kerana Baginda Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: “Tidak ada dua witir pada satu malam.”

## **5. Saya terdengar seorang Ustaz menyebut kelebihan solat malam yang dinamakan solat tahajjud. Apakah solat itu, dan bagaimana boleh saya melaksanakannya?**

Solat tahajjud dianjurkan selepas tidur di waktu malam dan sebelum tiba waktu subuh. Ia boleh dilakukan sebanyak dua rakaat atau lebih, dipisahkan dengan 1 salam setiap selesai 2 rakaat.

Firman Allah dalam surah Al-Isra' ayat 19 yang bermaksud: "Pada sebahagian malam, bersolat tahajjudlah kamu sebagai satu ibadat tambahan."

## **6. Apakah itu iktikaf?**

Iktikaf ertinya berhenti seketika atau lebih di dalam masjid dengan niat beribadat atau menghampirkan diri kepada Allah.

Hukumnya sunat dan istimewa pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Sayidatina Aisyah R.A meriwayatkan yang maksudnya: "Adalah Rasulullah S.A.W melakukan iktikaf sesudah tanggal 20 Ramadan. Hal ini menjadi amalan Baginda hingga Baginda wafat."

## **7. Saya sering mendengar tentang istimewanya malam Lailatul qadar. Adakah perlu saya beribadat pada malam tersebut? Kalau ia, bagaimana?**

Firman Allah dalam Surah Al-Qadr ayat 1-3 yang bermaksud: "Kami telah menurunkan Al-Quran pada malam Lailatul Qadar. Adakah kamu tahu apakah malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar itu lebih baik dari seribu bulan..."

Para Ulama berselisih pendapat tentang masanya Lailatul Qadar. Di antara pendapat tentang masanya Lailatul Qadar jatuh pada malam-malam yang ganjil selepas tanggal 20 Ramadan iaitu: 21, 23, 25, 27 atau 29 Ramadan.

Pada malam-malam itu, sangat elok kalau kita memperbanyakkan ibadat seperti solat, membaca Al-Quran, berselawat, berzikir dan memohon doa minta diampunkan dosa. Imam Ahmad, Ibnu Majah dan At-Tarmidzi telah melaporkan sebuah hadis yang diterimanya dari Sayidatina Aisyah R.A bahawa Rasulullah S.A.W telah mengajarkan kepadanya doa yang diucapkan pada malam Lailatul Qadar iaitu yang bermaksud: "Wahai Tuhan, bahwasanya Engkau Tuhan yang maha Pemaaf, Engkau menggemari kemaafan, maka maafkanlah daku."

## **PERLAKSANAAN IBADAH PUASA**

### **8. Apakah niat untuk bersahur dan berbuka di dalam bahasa rumi dan apakah manknanya?**

Sahur dan berbuka puasa tidak memerlukan niat. Yang diperlukan niat adalah ibadat puasa itu sendiri.

Oleh kerana sahur dan buka puasa adalah aktiviti makan dan minum, maka doa makan dan minum juga boleh dibaca sebelum sahur dan waktu berbuka. Pada waktu buka, boleh ditambah do'a yang bermaksud, “Ya Allah, kerana Mu aku berpuasa, dengan Mu aku beriman, dan dengan rezeki Mu aku berbuka.”

### **9. Bilakah niat puasa itu patut dilakukan?**

Niat puasa boleh dijatuhkan selepas masuk waktu maghrib hingga ke sebelum waktu subuh keesokan harinya sebelum berpuasa.

### **10. Jika saya membatalkan puasa saya pada bulan Ramadan tanpa keuzuran, apakah hukumnya?**

Jika anda membatalkan puasa anda tanpa sebarang keuzuran, anda dikira berdosa kerana telah melanggar salah satu rukun Islam. Anda perlu bertaubat dan berazam untuk tidak mengulangi perbuatan itu lagi. Anda juga harus mengqadha' puasa yang anda tinggalkan itu. Walau bagaimanapun, anda telah kerugian kerana puasa yang ditinggalkan secara sengaja dan diganti pada hari lain, tidak akan sama dengan puasa di bulan Ramadan. Dari Abi Hurairah R.A berkata: “Rasulullah S.A.W bersabda: Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat menggantikan puasa yang ditinggalkan itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup.”

### **11. Semalam saya agak terlewat bangun untuk bersahur. Kemudian, ketika saya sedang makan sahur, deejay di radio mengatakan bahawa telah masuknya waktu imsak di Singapura. Adakah puasa saya itu batal?**

Puasa bermula dari waktu fajar atau lebih dikenali sebagai subuh, sehinggalah terbenamnya matahari (maghrib). Waktu imsak adalah hanya sebagai peringatan bahawa waktu fajar amatlah hampir, dan anda harus mula menyelesaikan makanan secepat mungkin. Ini untuk mengelakkan makanan

masih ada di dalam mulut dan azan subuh berkumandang. Jika anda masih makan setelah masuk waktu imsak, tetapi sebelum waktu subuh, puasa anda tetap sah.

## **12. Saya akan belayar ke luar negara dalam bulan Ramadan yang akan datang. Bagaimanakah puasa saya?**

Dalam perintah Allah S.W.T mensyariatkan ibadat puasa bulan Ramadan, Allah S.W.T telah memberikan kelonggaran khas bagi sesiapa yang berada di dalam pelayaran (bermusafir) supaya tidak berpuasa dan hanya menunaikan puasa selepas Ramadan (puasa qadha').

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 184 bermaksud:

“(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam pelayaran (bermusafir), (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain.”

Oleh itu, seseorang yang bermusafir biasanya menghadapi kesukaran, maka diberikan kelonggaran oleh Allah S.W.T dan dikecualikan dari kewajipan berpuasa di dalam Ramadan.

## PUASA DAN WANITA

### **13. Jika haid saya berhenti sebelum fajar, dan saya belum sempat mandi hadas, adakah saya dibolehkan berpuasa?**

Anda boleh berpuasa jika anda suci dari haid atau nifas sebelum fajar dan belum sempat mandi kecuali setelah terbitnya fajar. Anda juga perlu menjatuhkan niat berpuasa pada hari tersebut, walaupun dalam keadaan berhadas besar. Ini adalah kerana pada saat haid atau nifas anda terhenti, anda telah termasuk pada golongan orang yang wajib berpuasa, dan ini sama halnya dengan orang yang masih di dalam keadaan junub apabila telah masuk waktu fajar, yang mana puasanya sah berdasarkan firman Allah S.W.T

Ertinya: "Maka sekarang campurilah mereka (isteri kamu) dan carilah apa yang telah ditetapkan Allah untuknya, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar" [Al-Baqarah:187]

Jika Allah mengizinkan suami isteri bersatu hingga tiba waktu fajar, maka tentu sekali dibolehkan mandi junub setelah terbitnya fajar. Ini juga berdasarkan hadith Sayidatina Aisyah R.A: "Bahawa Nabi S.A.W di waktu Subuh masih dalam keadaan junub kerana mencampuri isterinya, dan Baginda tetap berpuasa." Maksudnya bahawa Rasulullah S.A.W tidak mandi junub kecuali setelah masuk waktu Subuh.

### **14. Apakah hukum puasa bagi perempuan yang mengandung?**

Wanita yang hamil boleh berpuasa jika ia mampu berbuat demikian. Sekiranya ia tidak mampu, ia boleh berbuka. Jika beliau tidak berpuasa kerana khuatir akan keadaan dirinya sahaja, maka beliau wajib qadha' puasa sahaja. Jika beliau bimbang tentang keadaan anak di dalam kandungannya sahaja, maka beliau wajib qadha' dan juga membayar fidyah bagi hari tersebut.

### **15. Bolehkah bagi seseorang wanita memakan ubat untuk melewaskan haid pada bulan Ramadan?**

Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa wanita-wanita yang berhaid tidak wajib berpuasa pada bulan Ramadan, tetapi wajib mengqadha'kannya pada hari yang lain. Tidak berdosa wanita yang datang haid membuka puasanya dan hendaklah menggantikannya pada hari-hari yang lain sebanyak mana puasa yang ditinggalkan itu.

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah R.A bermaksud: “Kami tidak diperintahkan menggantikan sembahyang.” (Riwayat Imam Al-Bukhari). Oleh yang demikian, adalah lebih baik untuk mengikut keadaan semula jadi yang dicipta Allah S.W.T bagi wanita.

Namun, sekiranya wanita itu hendak memakan ubat untuk melewatkhan haid agar ia tidak datang di dalam bulan Ramadan, hukumnya tidak mengapa dengan syarat ubat itu tidak memudharatkan dirinya. Mereka boleh meminta nasihat pakar, atau nasihat doctor mengenai kegunaan ubat itu.

## **PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA**

### **16. Apakah perkara-perkara yang membatalkan puasa?**

Perkara-perkara yang membatalkan puasa adalah seperti berikut:

Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga badan yang terbuka dengan sengaja, kecuali kerana darurat yang berkaitan dengan kesakitan. (Sila rujuk soalan 22 dan 23) Makan, minum dan merokok membatalkan puasa. Adapun suntikan ubatan tidak membatalkan puasa.

- Muntah dengan sengaja
- Mengeluarkan air mani
- Melakukan jimak (hubungan seks) pada siang hari
- Kedatangan haidh, nifas atau kelahiran bagi wanita
- Menjadi gila
- Pitam sepanjang hari
- Mabuk (yang menghilangkan daya pemikiran waras) sepanjang hari
- Murtad, iaitu keluar dari agama Islam

## **17. Adakah mimpi sehingga keluar air mani membatalkan puasa?**

Hadas besar yang disebabkan mimpi tidak membatalkan puasa, sama ada ianya berlaku sebelum atau selepas waktu sahur. Orang yang berhadas tersebut boleh meneruskan puasanya. Yang perlu hanyalah mandi junub.

## **18. Saya telah bermimpi sehingga mengeluarkan mani pada siang hari bulan Ramadan, kemudian saya mandi junub. Adakah mandi junub tersebut membatalkan puasa saya?**

Bermimpi sehingga mengeluarkan mani dan mandi junub tidak membatalkan puasa. Malahan, sekiranya termasuk air ke dalam telinga atau tertelan air ketika berkumur-kumur (sewaktu mengambil wuduk atau mandi) puasa tidak terbatal kerana ia dikira tidak sengaja. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah mengampuni umatku yang tersilap, terlupa atau dipaksa melakukan sesuatu.” (Riwayat At-Tabarani)

## **19. Ada yang mengatakan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung menjelaskan puasa seseorang. Sejauh manakah kebenaran pendapat ini?**

Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika berwuduk adalah sunat. Bagi orang yang berpuasa pula, maka tidak boleh berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung dengan berlebihan. Sekiranya seseorang berwuduk dengan tidak kelebihan dan air itu termasuk ke dalam kerongkong, maka puasanya tetap sah. (Sila rujuk soalan 19). Samalah keadaannya jika dimasuki debu jalanan, debu tepung atau lalat yang terbang masuk ke dalam kerongkong. Semua ini dimaafkan kerana tidak sengaja. Namun, jika seseorang berkumur-kumur dengan berlebihan, ia boleh menyebabkan air masuk ke dalam kerongkong, dan jika ini berlaku, maka puasanya batal.

## **20. Adakah seseorang yang sedang berpuasa itu boleh melakukan sukan renang?**

Berenang boleh menyebabkan masuknya air ke dalam hidung dan/atau telinga perenang. Jika air memasuki badan cara sedemikian, adalah batal puasa seseorang. Dengan ini, sebagai langkah berjaga-jaga, mereka yang berpuasa dinasihatkan agar tidak berenang di siang hari Ramadan untuk mengelakkan dari terbatalnya puasa. (Sila rujuk soalan 19)

**21. Apakah hukum menggunakan inhaler (bagi pesakit semput) ketika berpuasa?**

Antara perkara yang membatalkan puasa ialah kemasukan sesuatu ke dalam badan melalui rongga yang terbuka. Namun, kemasukan seuatu bahan seperti ubat inhaler di atas dasar darurat, yang berkaitan dengan kesukaran bernafas, dibolehkan syara'. Oleh yang demikian, penggunaan inhaler yang berpatutan tidak membatalkan puasa.

**22. Adakah suntikan "insulin" membatalkan puasa?**

Suntikan insulin bagi pesakit kencing manis tidak membatalkan puasa. Ini adalah kerana suntikan tersebut bukanlah melalui rongga yang terbuka dan tidak pula memberi sebarang kekenyangan atau kepuasan kepada si pesakit.

**23. Saya pernah terdengar bahawa jikalau seseorang itu berpuasa, dia dilarang 'membersihkan' telinga atau hidungnya. Samada menggunakan cotton bud ataupun jari. Kerana perbuatan itu akan membatalkan puasanya. Adakah benar?**

Di antara sebab batal puasa adalah memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan yang terbuka dengan sengaja. Membersihkan telinga atau hidung tidak semestinya membatalkan puasa. Ia dibolehkan dengan kadar yang sederhana dan berhati-hati. Contohnya, membersihkan telinga di kawasan yang tidak terlalu dalam. Namun, jika anda merasa ragu-ragu sekiranya perbuatan anda boleh membatalkan puasa, maka jangan lakukan dan bersihkanlah telinga dan hidung di waktu malam.

**24. Adakah boleh saya menderma darah sewaktu berpuasa?**

Menderma darah di dalam kuantiti yang sederhana dibolehkan dan tidak membatalkan puasa. Namun, pendermaan yang terlalu banyak sehingga menyebabkan kelemahan pada tubuh badan, sehingga tidak dapat menjalani ibadat puasa dengan baik, tidak digalakkan sama sekali.

## **KELONGGARAN DALAM IBADAT PUASA**

### **25. Apakah hukum sekiranya saya tidak sengaja termakan atau terminum sedangkan saya berpuasa?**

Termakan atau terminum dengan terlupa tidak membatalkan puasa. Seseorang yang telah melakukan demikian dengan tidak sengaja hendaklah menyempurnakan puasanya. Imam Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesiapa yang makan dan minum kerana terlupa pada bulan Ramadan, hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Makan dan minum itu adalah pemberian Allah." Dan diriwayatkan oleh Imam Ad-Daruqutni dengan sanad yang sahih: "Ia dianggap rezeki daripada Allah. Allah memberinya minum. Tidak perlu dia mengqadha' puasanya.

### **26. Adakah boleh saya tidak berpuasa jika saya perlu bermusafir ke Johor Baru untuk membeli sesuatu?**

Seseorang yang musafir berada jauh dari tempat tinggal dan keluarga, mengalami rasa bersendirian, tidak tenang dan tidak tetap tempat tinggal. Allah berfirman: "Allah menghendaki bagimu kemudahan dan Allah tidak menghendaki bagimu kesusahan." (Al-Baqarah 185). Oleh itu, beliau diberi kelonggaran tidak wajib berpuasa dan hanya perlu qadha' selepas Ramadan.

Namun, ini bukan bermakna setiap perjalanan membolehkan kita berbuka. Jarak yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya jarak yang diharuskan sembahyang wasar, iaitu lebih kurang 84 kilometer. Perjalanan ke Johor Baru tidaklah sampai jarak sedemikian, maka tidak boleh seseorang itu berbuka dan tidak berpuasa kerananya.

### **27. Apakah hukum berpuasa bagi orang tua?**

Berbuka adalah harus bagi orang tua yang ada kesusahan dan kepayahan untuk berpuasa. Samalah juga hukumnya bagi orang sakit yang tiada harapan sempuh, maka ia diharuskan berbuka. Sebagai ganti, mereka seharusnya membayar fidyah iaitu memberi makan seorang miskin sehari mengikut berapa hari yang ditinggalkan. Ini merupakan kesenangan dan kemudahan daripada Allah.

Ibn 'Abbas R.A berkata: "Diberi kemudahan berbuka bagi orang tua, tetapi hendaklah dia memberi makan kepada fakir miskin tiap-tiap hari yang dia tinggalkan dan tidak perlu mengqadha' puasanya." (Diriwayatkan oleh Ad-Daruqutni, dan Hakim telah mengesahkannya) Firman Allah yang bermaksud: "Dan wajib bagi orang yang tidak mampu mengerjakannya (tidak berpuasa)

membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan rela hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya.” (Al-Baqarah 184)

## **28. Isteri saya hamil, dan setelah melahirkan, mungkin akan menyusukan anak kami. Bagaimana hukum puasanya?**

Wanita yang hamil dan dikhawatir anak di dalam kandungannya itu boleh meninggal dunia jika dia berpuasa, maka dibolehkan dia berbuka dan tidak berpuasa. Malahan, jika ia dikuatkan lagi dengan pengesahan jujur daripada doctor, dia diwajibkan berbuka. Firman Allah: “Jangan kamu bunuh anak-anak kamu.” (Al-An'am: 151) Firman Allah lagi: “Dan wajib bagi orang yang berat untuk menjalankannya (iaitu tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin...” (Al-Baqarah: 184)

Kebanyakan Ulama mengharuskan berbuka puasa bagi wanita yang hamil. Dan juga wanita yang menyusukan anaknya yang bimbangkan keadaan diri mereka sebab berpuasa itu. Selepas Ramadan, wajib ke atasnya untuk menggantikan puasa yang ditinggalkan.

Adapun masalah bimbang memudaratkan bayi dalam kandungan, maka telah disepakati harus berbuka puasa. Cuma yang menjadi perselisihan ialah adakah wajib diganti puasanya, atau dibayar fidyah, atau kedua-duanya sekali. Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbas mengharuskan bagi wanita sedemikian untuk membayar fidyah. Memandangkan kesukaran yang akan dialami oleh wanita sedemikian untuk menggantikan puasa selepas melahirkan, maka yang harus dilaksanakan adalah pembayaran fidyah sahaja.

## **29. Apakah waktu berbuka puasa bagi sesiapa yang berpuasa di Kutub Utara / Selatan di mana waktu siang terlalu panjang sehingga 24 jam. Ada orang mengatakan boleh berbuka puasa dengan berpuasa selama 12 jam, tapi tiada nas yang menyatakan demikian.**

Memang tidak ada nas bagi masalah ini kerana ia termasuk perkara ijtihad ulama fiqh. Sayid Sabiq menjelaskan bagi muslimin yang menetap di kutub mempunyai dua pilihan: Pertama: mengikut waktu berbuka dan imsak bagi Mekah atau Madinah. Kedua: mengikut negara terdekat, misalnya Canada dan Amerika Syarikat bagi kutub utara; manakala New Zealand atau Australia bagi kutub selatan. Begitu juga dengan berpuasa di musim panas, iaitu siang yang panjang, di mana mata hari terbenam pada pukul 9:45 malam, dan tiada “twilight period” (tiada waktu gelap di langit). Di dalam keadaan demikian, maka dia boleh membuat dua pilihan seperti di atas.

**30. Seseorang itu menaiki kapal terbang dari Johannesburg ke Singapura dalam bulan Ramadan. Dia akan berangkat dari Johannesburg pada jam 2:20 petang (waktu Johannesburg) dan sampai di Singapura pada jam 6:45 pagi (waktu Singapura). Jadi, apabila dia bersahur dan berbuka mengikut masa-masa di tempat-tempat tersebut, dia akan berpuasa selama lebih dari 20 jam. Apa yang seharusnya dia lakukan?**

Allah S.W.T telah memberikan pengecualian khas bagi sesiapa yang dalam perjalanan atau musafir.

Oleh itu, seseorang yang bermusafir dan menghadapi kesukaran seperti yang anda sebutkan, dikecualikan dari kewajipan berpuasa. Maka sebaiknya musafir itu mengambil rukhsah atau keringangan yang diberikan oleh Allah S.W.T

### **QADHA' PUASA**

**31. Bagaimanakah pembayaran bagi puasa yang tidak dapat ditunaikan di dalam bulan Ramadan?**

Hukum pembayaran puasa terbahagi kepada beberapa bahagian:

**1. Wajib Qadha'**

- Orang yang sedang sakit dan sakitnya akan memberi mudarat kepadanya atau bertambah lambat sembahnya jika dia berpuasa
- Orang yang meninggalkan puasa sewaktu belayar atau bermusafir kira-kira 84 km
- Ibu yang hail atau menyusukan anak dan khuatir dirinya menjadi mudarat
- Orang yang sedang haid atau nifas
- Orang yang terlalu lapar atau dahaga yang boleh memusnahkan dirinya
- Orang yang batal puasanya kerana salah satu sebab yang membantalkannya.

**2. Wajib Qadha' dan Membayar Fidyah**

- Ibu yang hamil atau menyusukan anak, sekiranya si ibu hanya khuatir anaknya menjadi mudarat
- Orang yang berhutang puasa yang belum dijelaskan sehingga bertemu dengan Ramadan yang lain

### **3. Tidah Wajib Qadha' Tetapi Wajib Fidyah**

- Orang sakit yang tidak berdaya untuk berpuasa dan harapan sembuh sangat tipis
- Orang yang lemah kerana sudah tua dan tidak mampu lagi untuk berpuasa

### **32. Adakah niat puasa sunat enam hari bulan Syawal boleh disekalikan dengan puasa Qadha'?**

Niat puasa enam tidak boleh disekalikan dengan puasa qadha'. Imam As-Syafi'i (di dalam kitab Al-Umm) berpendapat dalam mensyarahkan bab "setiap amalan dengan niatnya" bahawa: hendaklah dibezakan ibarat puasa Ramadan, puasa nazar, puasa kafarat, puasa qadha' dan puasa sunat. Imam Jalaluddin As-Suyuti (di dalam kitab Al-Isybah) juga berpendapat hendaklah diasingkan puasa Ramadan, atau nazar atau puasa sunat. Namun, seseorang yang berniat puasa qadha' di dalam bulan Syawal boleh juga dikurniakan pahala puasa enam (tanpa menjatuhkan niat tersebut) mengikut pendapat sebahagian Ulama'.

### **33. Bolehkah saya mengumpulkan puasa qadha' / puasa sunat Isnin, Khamis dan sunat puasa bulan Rejab. Apakah hukumnya?**

Sebahagian Ulama tidak membenarkan mengumpulkan niat ibadat sunat dan wajib. Oleh itu, adalah baik sekiranya dipisahkan antara keduanya (Sila rujuk soalan 33). Maka, dalam puasa qadha' dan sunat, adalah wajib didahulukan puasa qadha' kerana ia menjadi bebanan orang itu, sedangkan puasa sunat tidak menjadi bebanannya. Jika seseorang itu berpuasa qadha' pada hari Isnin, Khamis atau pada hari-hari yang afdal berpuasa, maka niatkan puasa qadha'. InshaAllah, ia juga diberikan pahala sunat pada hari tersebut.

### **34. Bagaimanakah cara menghitung fidyah yang perlu dibayar bagi puasa yang tidak disempurnakan?**

Untuk perkiraan fidyah yang tepat, sila rujuk kepada lelaman berikut:  
[https://www.muis.gov.sg/eservices/fidyah\\_online.aspx](https://www.muis.gov.sg/eservices/fidyah_online.aspx)

### **35. Bolehkah saya membayar fidyah dengan menggunakan wang?**

Allah S.W.T berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 184:

Maksudnya: "Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (yaitu): memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui."

Fidyah adalah memberi makan seorang miskin. Dan makanan ini merujuk kepada makanan asasi bagi rakyat negara orang yang berpuasa. Dalam konteks Singapura yang membatalkan puasa Ramadannya, perlu membayar fidyah dengan 1 mud beras bagi setiap hari. 1 mud adalah lebih kurang 750 gram.

Namun, terpulanglah kepada kita untuk membayar dengan wang atau dengan beras. Di Singapura, memang lebih mudah dan baik untuk membayar dengan wang. Ini adalah kerana wang dapat diberi kepada orang miskin untuk membeli makanan beliau. Wang juga lebih mudah dan tidak seperti beras, dimana ia memerlukan tempat yang luas untuk menyimpannya, di samping masalah ‘shelf-life’, pembungkusan, kutu, tikus, dan sebagainya.

Wang fidyah akan bertambah setiap tahun sekiranya puasa yang ditinggalkan itu belum diqadha’ lagi (Sila rujuk soalan 34).

### **36. Haruskah saya membayar hutang puasa walaupun saya telah membayar fidyah?**

Pembayaran fidyah ini tidak mengangkat tanggungjawab anda untuk menunaikan qadha’ puasa. Anda masih lagi perlu mengqadha’ puasa, selagi mampu melaksanakannya dari segi kesihatan (Sila rujuk soalan 31).